

# PAC mahu jawapan segera projek tukar tanah MINDEF

Kesan projek dikhuatiri jejas kedudukan strategik pertahanan negara

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammad Yusri Muzamir  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa mempercepatkan proses menyahklasifikasi Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung Projek Tukar Tanah Kementerian Pertahanan.

Gesaan itu dibuat Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Mas Ermi-

eyati Samsudin yang bimbang kesan projek tukar tanah itu menyebabkan kerajaan kerugian lebih RM500 juta selain menjejaskan kedudukan strategik pertahanan negara.

Katanya, JKSTUPKK sudah membentangkan laporan berkenaan kepada PAC Parlimen ke-14 pada 2 April 2019 dan 16 November 2020.

“Jika proses menyahklasifika-

si laporan itu dipercepatkan maka PAC akan dapat meneliti semula laporan itu memandangkan kerajaan sudah kerugian lebih RM500 juta selain kedudukan strategik pertahanan terjejas.

“Selepas laporan JKSTUPKK Tukar Tanah ini dinyahklasifikasi, PAC akan memulakan prosiding berhubung isu ini bagi membolehkan rakyat mengetahui perkara sebenar,” katanya

“Selepas laporan JKSTUPKK Tukar Tanah ini dinyahklasifikasi, PAC akan memulakan prosiding berhubung isu ini bagi membolehkan rakyat mengetahui perkara sebenar”

**Mas Ermieyati Samsudin,**  
Pengerusi PAC

pada sidang media di Parlimen, semalam.

## Tuntut jawapan

Mas Ermieyati yang juga Ahli Parlimen Masjid Tanah, berkata, PAC sudah menuntut jawapan daripada pihak kerajaan khususnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk SeriAzalina Othman Said berkenaan penyahklasifikasi JKSTUPKK pada 13 Jun lalu.

Katanya, PAC sudah menerima surat maklum balas daripada Azalina pada 27 Jun dan surat itu memaklumkan perkara itu akan diteliti dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh kerajaan.

Namun, katanya selepas hampir tiga bulan, kerajaan masih belum memaklumkan kepada PAC sebarang keputusan berhubung perkara berkenaan.

